



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 24 APRIL 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	BERNAS JAMIN KESTABILAN, BEKALAN BERAS, BISNES, HM -23 ISU SEKURITI MAKANAN TIDAK DIABAIKAN, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -8 BEKALAN BERAS NEGARA KEKAL STABIL, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK -31 CABINET COMMITTEE ON FOOD SECURITY TO BE SET UP, DAILY EKSPRESS -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
5.	BEKALAN SAYUR, BUAH-BUAHAN CUKUP, HM -ONLINE	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
6.	JUAL DAGING LEMBU SADO 800KG, MELAKA JOHOR TERENGGANU, SH -24	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
7.	LPNM BANTU PEKEBUN JOHOR PASARKAN 160 TAN NANAS SEJAK PELAKSANAAN PKP, BERNAMA -ONLINE	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
8.	DONATING VEGS TO POOR HOUSEHOLDS, CENTRAL SARAWAK, SEE HUA DAILY NEWS -A7	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
9. 10. 11.	PERTANIAN PALING PANTAS PULIH PASCA COVID-19, BISNES, BH -30 BEKALAN CUKUP HINGGA SEMBILAN BULAN, MEMERANGI WABAK COVID-19, SH -8 PKPD: KWP JAMIN BEKALAN MAKANAN MENCUKUPI, MEMERANGI WABAK COVID-19, SH -8	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2020	HARIAN METRO	BISNES	23

Bernas jamin kestabilan, bekalan beras

Kuala Lumpur: Padiberas Nasional Berhad (Bernas) memberi jaminan terus memelihara kestabilan harga serta memastikan bekalan beras sentiasa mencukupi, terutama ketika negara berdepan penularan wabak Covid-19.

Bernas dalam kenyataannya berkata, wabak Covid-19 menyebabkan beberapa negara mengalami kenaikan harga makanan asas seperti beras yang sekali gus menimbulkan kebimbangan bekalan sukar diperolehi.

“Seperti dinyatakan Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MOA) serta kementerian lain yang berkaitan, keadaan keselamatan dan bekalan makanan negara terawal.

“Bekalan beras yang menjadi makanan ruji rakyat Malaysia mudah diperolehi dan harga beras di



HARGA beras di pasaran runcit masih kekal seperti sebelum penularan Covid-19.

pasaran runcit masih kekal sebagaimana sebelum penularan wabak Covid-19,” katanya.

Menurutnya, harga ju-

alan Bernas kepada pemborong juga kekal dan tidak berubah untuk beras putih tempatan dan beras import sejak beberapa ta-

hun lalu.

“Walaupun harga beras di pasaran dunia meningkat berikutan Covid-19, Bernas komited untuk memantau serta memastikan harga pasaran beras kekal stabil serta berpatutan.

“Sebarang lebihan harga kos atau operasi akan dibiaya Bernas sendiri,” katanya.

Dalam pada itu, katanya kenyataan Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) mengenai Bernas diberikan subsidi dan MOA memonopoli beras import adalah sangat tidak berasas.

“Sehingga hari ini, Bernas terus melestarikan tanggungjawabnya kepada rakyat dalam mengawasi perkembangan industri padi dan beras serta menjalankan obligasi sosial terhadap negara dan bertindak sebagai pembeli terakhir padi daripada petani,” katanya.

Headline	ISU SEKURITI MAKANAN TIDAK DIABAIKAN		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	24 Apr 2020	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	8	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	283 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,684
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,052



ISU SEKURITI MAKANAN TIDAK DIABAIKAN

KETIKA perhatian kita tertumpu kepada menangani landaan Covid-19 ketika ini, satu perkara yang menuntut fokus yang sewajarnya ialah soal berkaitan keselamatan makanan. Perkara ini menggerakkan sebuah Jawatankuasa Kabinet Kerajaan Malaysia bakal diwujudkan tidak lama lagi. Menurut Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, jawatankuasa berkenaan akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Dengan objektif untuk mengubal Dasar Sekuriti Makanan Nasional, jawatankuasa berkenaan beriltizam untuk mencapai agenda memperbaiki sekuriti makanan Malaysia serta menjana pendapatan tinggi bagi mereka yang terlibat dalam barisan hadapan subsek-

tor makanan sektor pertanian di negara kita. Antara fokus utama jawatankuasa itu nanti ialah bagi memperkukuhkan rangkaian pembekalan makanan, menambahbaikkan perkhidmatan sokongan dan penyampaian, memperkasakan pengetahuan teknikal dan kemahiran, serta mempromosikan pematuhan terhadap standard dan amalan pertanian yang baik.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan Dasar Agro-Makanan Nasional (NAFP) 2.0, subsektor makanan dipromosikan secara mengangkat martabat Revolusi Industri ke-4 (IR4.0). Penekanan utama ialah untuk memperbaiki sekuriti dan keselamatan makanan secara meningkatkan produktiviti, menjana pendapatan lebih tinggi, dan menarik usahawan tani dari kalangan golongan gene-



WACANA PENGARANG

rasi muda ke arah meningkatkan sumbangan nilai tambah pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Antara cabaran sektor pertanian negara kita ialah: (i) kurangnya mekanisasi dan automasi; (ii) pergantungan ke atas pekerja asing; (iii) kurangnya pelaburan dan pendanaan swasta; (iv) sukarnya mengakses

pemasaran; dan (v) mekanisme subsidi yang kurang mampan di samping kurangnya pembekalan benih berkualiti dan baka yang baik. Perlu juga kita fahami bahawa selama ini negara kita terlalu bergantung ke atas import daging, sayur-sayuran dan buah-buahan dari wilayah beriklim sederhana yang mengakibatkan defisit dalam imbalan perdagangan agro-makanan kerana kita membelanjakan lebih RM50 billion. Sehingga kini, tahap cukup sendiri kita bagi buah-buahan adalah pada kadar 78.4 peratus, sayur-sayuran 44.6 peratus, dan produk daging 22.9 peratus.

Sektor pertanian tidak boleh lagi dianggap atau dikategorikan sebagai industri yang kotor, berbahaya dan sukar. Kemajuan ilmu tentang pertanian sudah sejajar perkembangan

teknologi. Justeru penglibatan golongan belia dari kalangan generasi muda merupakan kunci utama dalam membawa IR4.0 dalam memodenkan sektor pertanian melalui aplikasi teknologi terkini beserta teknik-tekniknya. Statistik mutakhir menunjukkan hanya 8.5 peratus dalam kalangan mereka yang berkecimpung dalam sektor pertanian berada di bawah umur 40 tahun manakala Program Usahawan Muda telah melahirkan lebih 5,000 individu. Berdasarkan indikasi itu, kita percaya sektor pertanian berupaya mewujudkan subsektor makanan yang cukup menjanjikan bagi negara kita Malaysia. Lebih-lebih lagi bagi kita di Sarawak yang memiliki keluasan tanah yang mencukupi untuk menampung keperluan rakyat kita.

Headline	Bekalan beras negara kekal stabil		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	24 Apr 2020	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	31	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	337 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,140
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 9,421



Bekalan beras negara kekal stabil

“Walaupun harga beras di pasaran dunia telah meningkat berikutan wabak Covid-19, Bernas tetap terus komited untuk memantau harga pasaran beras kekal stabil serta berpatutan.” - Bernas

KUALA LUMPUR: Bekalan beras yang menjadi makanan ruji rakyat Malaysia mudah diperolehi dan harganya di pasaran runcit kekal sebagaimana sebelum penularan wabak Covid-19 berlaku, kata Padi beras Nasional Bhd (Bernas) semalam.

Ia berkata, harga jualan Bernas kepada pemborong adalah kekal dan tidak berubah untuk beras putih tempatan

dan beras import sejak beberapa tahun lepas.

“Walaupun harga beras di pasaran dunia telah meningkat berikutan wabak Covid-19, Bernas tetap terus komited untuk memantau serta memastikan harga pasaran beras kekal stabil serta berpatutan,” menurut syarikat itu dalam kenyataan semalam.

Bernas berkata, sebarang lebihan harga kos atau operasi akan dibiayainya sendiri. Ia berkata demikian bagi mengulas laporan media yang bertajuk ‘Pengilang, Peruncit Beras Tertekan dengan Kenaikan Harga Borong, kata MTEM’ pada Ahad 19 April 2020.

Bernas akan terus memelihara kestabilan harga serta memastikan bekalan beras sentiasa mencukupi, terutama ketika negara menghadapi

penularan wabak Covid-19, menurutnya.

Syarikat itu berkata wabak Covid-19 mengakibatkan beberapa negara mengalami kenaikan harga makanan asas seperti beras, sekali gus menimbulkan kebimbangan dalam kalangan sesetengah masyarakat di Malaysia mengenai bekalan sukar diperolehi.

“Seperti yang dinyatakan oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan serta kementerian lain yang berkaitan, keadaan ke-

selamatan dan bekalan makanan negara adalah terkawal,” katanya.

Bernas juga berkata, kenyataan Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) bahawa Bernas diberikan subsidi dan MOA memonopoli beras import adalah sangat tidak berasas.

“Sehingga semalam, Bernas terus meletakkan tanggungjawabnya kepada rakyat dalam mengawasi per-

kembangan industri padian beras serta menjalankan obligasi sosial negara.

“Ini antaranya dalam sektor pengimportan beras, pengurusan dan pembayaran subsidi

kepada petani, menguruskan Skim Pengilangan Padi Bumiputera, membeli padi daripada petani pada harga terjamin dan bertindak sebagai pembeli terakhir padi daripada petani,” katanya.

Bernas juga akan terus bekerjasama dengan MOA dalam memastikan kelangsungan industri.

- Bernama



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2020	DAILY EKSPRESS	ONLINE	

Cabinet Committee on Food Security to be set up



KUALA LUMPUR: A Cabinet Committee on Food Security, chaired by Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin, will be established soon to, among others, formulate the National Food Security Policy, said Minister of Agriculture and Food Industry Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (pic).

He said the agro-food sub-sector will be the main focus in the agriculture sector in order to achieve the agenda of improving Malaysia's food security and generating higher income for agriculture frontliners.

The focus would include strengthening the food supply chain, improving support and delivery services, enhancing technological knowledge and skills as well as promoting greater compliance to standards and good agricultural practices, he said in a statement on 'Food Security and Covid-19: The Way Forward' Wednesday.

He said the ministry was planning for the post-COVID-19 period by looking at various medium- and long-term solutions to help the agriculture frontliners recover from the setback caused by the pandemic.

The ministry, he said, will also continue to play a more active role in searching for new market access while at the same time bringing in investors to create economies of scale in agriculture.

With the upcoming Twelfth Malaysia Plan (RMK-12) and National Agro-Food Policy (NAFP) 2.0, the government will continue to foster modernisation in the agro-food sub-sector by leveraging on Industrial Revolution 4.0 (IR4.0), he added.

He said this is to improve food security and safety by increasing productivity, generating higher income and attracting the younger generation of agropreneurs, which will ultimately increase the contribution of total agriculture value added to gross domestic product (GDP).

He noted that among the challenges in the country's agriculture sector were the low utilisation of mechanisation and automation, dependency on foreign workers, lack of private investment and funding, difficulty in accessing market, an unsustainable subsidy mechanism and lack of quality seeds and breeds.

"Another one of the major hurdles towards achieving food security is our dependency on the imports of meats, vegetables and fruits from temperate regions has resulted in a deficit agro-food trade balance as we spend more than RM50 billion to import these (types of) produce," he said.

He added that the self-sufficiency level (SSL) for fruits is now at 78.4 per cent, while the SSL for vegetables is at 44.6 per cent and for meat products, 22.9 per cent.

Kiandee called for a paradigm shift in agriculture where it should no longer be viewed as a 3D (dirty, dangerous, difficult) industry, adding that the involvement of the younger generation was the key towards bringing in IR4.0 and modernising the agriculture sector in Malaysia through the adoption of the latest technologies and techniques.

He said that only 8.5% of farmers are under the age of 40 and so far the Young Agropreneur Programme under the ministry has produced more than 5,000 entrepreneurs.

He also advised the people to refrain from panic buying or stock-piling as the ministry was doing its best to keep the food supply chain intact during the Movement Control Order (MCO) period.

He reminded Malaysians to acknowledge the efforts of frontliners, including those in the agriculture sector such as farmers, fishermen and food producers who are putting themselves at risk to ensure continuity of food supply during the pandemic.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2020	HARIAN METRO	ONLINE	

Bekalan sayur, buah-buahan cukup



AHMAD Fairus (dari kiri), Sulaiman, Mohd Rasydan dan Johanif berbincang sesuatu pada majlis penyerahan tembikai oleh Mohd Rasydan kepada Sulaiman di pejabat JAPERUN Lendu, Masjid Tanah.

JABATAN Pertanian Melaka memberi jaminan bekalan sayur-sayuran dan buah-buahan mencukupi sepanjang Ramadan berikutan usaha jabatan itu membantu usahawan tani memasarkan produk mereka.

Pengarahnya, Mohd Rasydan Mohd Yusof berkata, sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dimulakan pada 18 Mac lalu, kebanyakan usahawan tani menghadapi kesukaran untuk memasarkan sayur dan buah-buahan di luar daerah, apatah lagi di luar Melaka.

Sehubungan itu, katanya, jabatan itu mengambil inisiatif membawa pemborong ke ladang sayur dan buah-buahan terutama di daerah yang berfungsi sebagai pengeluar utama bahan makanan itu.

"Kami amat memahami kesukaran dialami usahawan tani untuk memasarkan produk mereka di luar daerah dan negeri ini berikutan PKP, jadi kami berbincang dengan pemborong dan mengajak mereka datang ke ladang atau kebun.

"Hasil daripada perbincangan kedua-dua pihak, usahawan tani bersedia menjual produk mereka kepada pemborong pada harga munasabah dan mewujudkan situasi menang-menang bagi kedua-dua pihak," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan 1.5 tan tembikai kepada Ketua Menteri, Datuk Sulaiman Md Ali di pejabat Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Lendu, Masjid Tanah, hari ini.

Buah berkenaan dan bahan makanan lain akan diedarkan kepada mereka yang terjejas akibat PKP dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Lendu.

Mohd Rasydan berkata, inisiatif diambil Jabatan Pertanian bukan setakat membantu usahawan tani meneruskan operasi kerana berjaya mengelak daripada kerugian besar, malah membantu memastikan bekalan sayur dan buah-buahan di negeri ini mencukupi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2020	SINAR HARIAN	MELAKA, JOHOR, TERENGGANU	24

Jual daging lembu sado 800kg

KUALA NERUS - Lembu sado jantan daripada baka Charolais seberat 800 kilogram disembelih sempena Jualan Prihatin Covid-19 anjuran Persatuan Penternak Ruminan Negeri Terengganu (PPRNT) di sini semalam.

Proses penyembelihan di Kompleks Abatoir Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu itu disempurnakan Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Negeri Terengganu, Dr Azman Ibrahim.

Azman berkata, daging lembu berusia dua tahun yang berharga RM15,000 itu telah habis ditempah lebih awal sebelum ia disembelih di

pusat penyembelihan itu.

“Lembu seberat hampir satu tan ini milik seorang ahli persatuan PPRNT di mana dagingnya dijual pada harga RM25 sekilogram dan tulang pula dijual RM20 sekilogram.

“Secara keseluruhan, nilai jualan sebanyak RM10,000 kerana ia lebih murah berbanding harga pasaran RM30.

“Kadar harga jualan ini diputuskan oleh pemilik lembu ini sendiri untuk membuat sedikit kebajikan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini,” katanya ketika ditemui di pusat penyembelihan itu di sini semalam.



Azman (kiri) melapah daging lembu baka Charolais yang disembelih sempena Jualan Prihatin di Kompleks Abatoir Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2020	BERNAMA	ONLINE	

LPNM bantu pekebun Johor pasarkan 160 tan nanas sejak pelaksanaan PKP



JOHOR BAHRU, 23 April -- Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) telah membantu memasarkan 160 tan nanas hasil daripada pekebun di Johor yang terjejas berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kata Ketua Pengarahnya Ruhaida Mashhor.

Beliau berkata sejak PKP dikuatkuasakan dari 18 Mac sehingga semalam, sebanyak 100 tan nanas jenis Moris yang diusahakan oleh pekebun berdaftar di bawah LPNM Johor berjaya dipasarkan dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan pengilang.

"Selain 100 tan nanas jenis Moris, LPNM turut membantu memasarkan hasil pekebun sebanyak 60 tan bagi varieti MD2 dan Josapine yang bermasalah dari segi pengangkutan serta pemasaran dengan menghantar nanas bagi keperluan pemborong di Lembah Klang, utara serta pantai timur," katanya dalam kenyataan hari ini.

Ruhaida berkata 60 tan daripada 100 tan nanas jenis Moris dihantar ke kilang pengetinan di Batu Pahat manakala 40 tan lagi dihantar ke Pusat Operasi FAMA di Johor, Melaka, Dengkil dan Selayang, Selangor untuk pasaran di Pasar Segar Terkawal terpilih di kebanyakan negeri di Semenanjung.

Beliau berkata inisiatif LPNM dalam membantu pekebun terutamanya memasarkan Moris adalah disebabkan kekangan pasaran bagi nanas jenis itu sepanjang tempoh PKP berikutan ia lebih kepada segmen menu dan bahan masakan oleh pengguna dan sektor perhotelan selain pemrosesan untuk jern dan inti nanas.

-- BERNAMA

Headline	Donating vegs to poor households		
MediaTitle	See Hua Daily News		
Date	24 Apr 2020	Color	Full Color
Section	Central Sarawak	Circulation	63,549
Page No	A7	Readership	190,647
Language	Chinese	ArticleSize	200 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,242
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 6,726



愛心蔬菜贈貧戶

透过民都鲁区国会 庆信人民服务中心协助下，
 透 议员拿督斯里张 马来西亚农业发展研究院

(MARDI) 与Simpang Bakun
 Plantation昨日联合举办捐
 助蔬菜的爱心活动，将约350
 公斤蔬菜捐赠给甘榜芝巴贫
 户。

爱心菜农此举，主要希望
 透过捐赠蔬菜活动达到抛砖引
 玉的作用，让更多有能力
 的商家及业者向他们看齐，协助
 弱势群体。



350公斤蔬菜准备捐赠给贫戶。



马来西亚农业发展研究院 (MARDI) 区域经理阿布巴卡 (左1) 与Simpang Bakun Plantation负责人林家强 (左4) 移交蔬菜予本固鲁杜拉曼 (右4)。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2020	BERITA HARIAN	BISNES	30

Pertanian paling pantas pulih pasca COVID-19

Sektor dijangka kembali melonjak, sumbang pertumbuhan ekonomi negara

Oleh Alzahrin Alias dan Hazwan Faisal Mohamad
bhbiz@bh.com.my

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) menjangkakan sektor pertanian, terutama jaminan makanan, akan menjadi sektor yang paling pantas pulih selepas berakhir krisis pandemik COVID-19.

Pengerusi MIER, Tan Sri Dr Kamal Salih, berkata pertanian adalah antara sektor paling berdaya tahan dan mempunyai peluang paling tinggi untuk kembali melonjak, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, ia bukan hanya melibatkan perusahaan besar semata-mata, malah juga perusahaan kecil serta pembabit rakyat yang boleh bercucuk tanam di kawasan rumah.

"Kami juga bakal melancarkan projek simpanan stok makanan,

yang memerlukan pengeluaran tanaman bukan sahaja pada peringkat domestik, malah di luar negara. Ini sudah dilakukan oleh Singapura yang mempunyai ladang di luar negara untuk dibekalkan ke dalam negara.

"Kami kini sedang menyiapkan kertas cadangan untuk diserahkan kepada kerajaan dan sudah terdapat beberapa pelabur yang berminat untuk terbahit dengan projek jaminan makanan

dan simpanan stok ini, menerusi kerjasama awam-swasta (PPP)," katanya pada sidang media MIER menerusi webinar, semalam.

Mengenai inisiatif *Crouching Tiger MIER*, Timbalan Pengarahnya, Prof Jamal Othman berkata, Malaysia boleh mencapai pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang lebih tinggi dengan suntikan fiskal baharu.

Selain itu, katanya, keberke-

sanan teknikal mampu menambah baik produktiviti, namun dengan syarat pandemik COVID-19 dibendung sepenuhnya.

"Kami mengadakan simulasi pelaksanaan dua pelaburan berpotensi yang ketika ini di bawah pengawasan MIER iaitu projek jaminan makanan membabitkan perbelanjaan modal sebanyak RM87 bilion dan pengadaptasian teknologi 5G sebanyak RM15 bilion," katanya.



Sektor pertanian mempunyai peluang tinggi untuk kembali melonjak selepas berakhir krisis COVID-19.

(Foto hiasan)

Bekalan cukup hingga sembilan bulan

Rakyat diminta tidak berasa bimbang dan elakkan pembelian panik

Oleh RAHAYU MUSTAPA

KUALA TERENGGANU

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan makanan dan barang keperluan harian di negara ini mencukupi sehingga tempoh sembilan bulan.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid meminta rakyat tidak berasa bimbang dan elakkan melakukan pembelian panik khususnya ketika membeli keperluan Ramadan kerana bekalan sentiasa ada.

Selain KPDNHEP, beliau berkata, setiap kementerian turut memainkan peranan masing-masing bagi memastikan stok barangan mencukupi bagi menjamin keperluan rakyat.

"Laporan yang kita terima selepas bermesyuarat dengan kementerian berkaitan termasuk pertanian, alhamdulillah setakat ini stok



Rosol (kanan) melihat stok gula ketika melakukan tinjauan bekalan makanan dan keperluan sempena Ramadan di Pasaraya Mydin di Kuala Terengganu semalam.

yang ada mencukupi sehingga sembilan bulan, begitu juga dengan ayam, telur dan sebagainya pun mencukupi kerana saya difahamkan mereka buat persiapan untuk raya tapi terganggu kerana pandemik coronavirus (Covid-19).

"Jadi, barang kita seolah *over supply*, sebab itu sekarang harga ayam lebih murah daripada sebelum ini. Oleh itu, rakyat tidak perlu bimbang tentang hal makanan kerana insya-ALLAH cukup," katanya di sini semalam.

Sementara itu, beliau berkata, KPDNHEP Terengganu telah melakukan 2,341 pemeriksaan di seluruh negeri ini sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan dan menerima sebanyak 112 aduan.

"Aduan itu berkaitan kenaikan harga barang, kekurangan stok dan penipuan pembelian barang dalam talian.

"Aduan ini kita siasat berdasarkan data dan maklumat yang diberikan," katanya.

Malaysia berdepan isu pengangguran kesan Covid-19

SHAH ALAM - Malaysia akan berdepan masalah pengangguran yang tinggi dan pendapatan rakyat yang menurun kesan serangan Covid-19 di seluruh dunia.

Bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, kerajaan perlu memikirkan langkah membangunkan semula ekonomi negara melalui penyediaan peluang pekerjaan dan cara menjana pendapatan untuk membantu rakyat.

Menurutnya, pelan ekonomi baharu dengan berikar tanpa mengharapkan bantuan kuasa besa termasuk China, Eropah dan Amerika Syarikat yang turut bergelut dengan isu sama perlu dilaksanakan.

"Malaysia dahulu boleh dikatakan cukup pekerjaan menyebabkan lebih dua juta pekerja asing bekerja di sini. Kini ekonomi mula keadaan terganggu dan meruncing maka kerajaan perlu mencari jalan untuk menyediakan pekerjaan supaya rakyat ada pendapatan," katanya pada sesi Facebook Live bertajuk *Covid-19: A Wake Up Call* semalam.

Program yang berlangsung selama sejam itu di kendalikan oleh moderator, Datuk Dr Hasan Mohamad Ali yang turut mengundang Ketua Pegawai Eksekutif Amanah Warisan Berhad (Awaris), Datu Ahmad Saruji Abdul Aziz.

Abdul Khalid mencadangkan konsep madan atau jaringan keselamatan sosial dengan saling membantu antara satu sama lain bagi mengurangkan pengangguran.

"Asasnya adalah rakyat perlu ada pendapatan yang boleh berlakunya perbelanjaan untuk pertumbuhan ekonomi. Alhamdulillah Malaysia ada sumber cukup tapi kerajaan perlu uruskan sumber itu cukup untuk rakyat dan tiada yang ketinggalan," katanya.



ABDUL KHALID

PKPD: KWP jamin bekalan makanan mencukupi

KUALA LUMPUR - Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) memberi jaminan akan menyediakan barang keperluan harian dalam bentuk bekalan menah yang mencukupi untuk 14 hari kepada penduduk yang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) keenam sejak Isnin lalu.

Kira-kira 17,000 penduduk sekitar Pusat Bandar Utara dan Pasar Borong Kuala Lumpur terlibat dengan perintah PKPD yang dipecahkan kepada lapan parcel termasuk perumahan Taman Seri Murni.

Menterinya, Tan Sri Annuar Musa berkata, penduduk tempatan yang tinggal di 1,500 unit

kediaman akan diberikan bekalan makanan asas sebanyak dua kali penghantaran yang setiap satunya mampu bertahan antara tujuh hingga 10 hari.

"Penghantaran telah bermula semalam (kelmarin) tetapi terdapat keperluan tidak mencukupi termasuk barangan untuk memasak lauk sedangkan esok (hari ini) dah nak mula berpuasa.

"Jadi kita akan utamakan makanan asas iaitu beras dan lauk. Hari ini (semalam) dan esok (hari ini) penghantaran makanan dalam bentuk tin seperti sardin akan dilakukan. Jika tak mencukupi kita akan cuba hantar makanan sejuk beku untuk stok tujuh hari,"

katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Terdahulu, timbul dakwaan penghuni PKPD keenam terputus bekalan dan tidak makan susulan pelaksanaan perintah itu dilaksanakan serta-merta tanpa sempat mereka membuat persediaan.

Annuar berkata, sistem agihan keperluan akan diperbaiki bagi memastikan semua penghuni mendapat bekalan sama-rata yang akan diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dibantu agensi berkaitan.

"Bekalan itu akan dihantar dari rumah ke rumah bagi memastikan tiada satu penghuni pun akan tercicir.

"Bagi penduduk bukan warganegara, urusan agihan dan keperluan berkaitan akan diuruskan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menggunakan dana hasil sumbangan awam atas faktor kemanusiaan," katanya.

Menurutnya, isu terputus bekalan makanan tidak sepatutnya berlaku disebabkan kedai runcit dalam kawasan PKPD dibenarkan beroperasi.

"Kita juga sediakan nombor yang boleh dihubungi jika hadapi masalah terputus bekalan makanan atau keperluan spesifik seperti sakit dan dialisis serta boleh hubungi bilik gerakan yang beroperasi 24 jam," katanya.

PKPD SEKITAR
PASAR BORONG KUALA LUMPUR

NOMOR PERHUBUNGAN UNTUK ANDA HUBUNGI:

- 01136435402 (PARCEL A - TAMAN SERI MURNI FASA 1)
- 01131438670 (PARCEL B - JLN WISMA 8 JLN B/20A 1)
- 01136435573 (PARCEL C - JLN WISMA 2/20A 1)
- 01136435467 (PARCEL E1 - TAMAN SERI MURNI FASA 2)
- 01131438085 (PARCEL E2 - TAMAN SERI MURNI FASA 1)
- 01133759712 (PARCEL E3 - TAMAN SERI MURNI FASA 3)
- 01131438364 (PARCEL F - TAMAN DATU VIEW 1)

BILIK GERAKAN UTAMA HUBUNGI

03-81235160 / 011-11560617

Nombor yang boleh dihubungi jika penduduk di PKPD keenam menghadapi masalah atau memerlukan bantuan